



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	2/12/2019	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Tumpat: Semua dokumen dan peralatan penting yang berada di Balai Polis Kuala Jambu dan Simpangan, sudah dikemas dan menunggu masa untuk dipindahkan.

Ketua Polis Daerah Tumpat, Superintendan Ab Rashid Mat Daud berkata, proses pemindahan itu akan dibuat di bangunan lebih selamat dalam dua balai berkenaan sebagai paras Sungai Golok semakin meningkat.

"Setakat ini walaupun bacaan air berada di paras bahaya, limpahan air Sungai Golok masih belum melimpah ke dalam pekarangan Balai Polis Kuala Jambu.

"Kita jangka dalam masa terdekat pemindahan dokumen dan peralatan penting akan dibuat memandangkan bacaan paras air semakin meningkat," katanya ketika membuat tinjauan di Balai Polis Kuala Jambu dan

'Peralatan, dokumen penting sudah dikemas'



AB Rashid bersama anggota lain mengemas dan mengumpulkan dokumen di Balai Polis Kuala Jambu yang berisiko terjejas banjir sebelum dipindahkan ke tempat selamat.

beberapa kampung sekitar Pengkalan Kubor di sini, semalam.

Tinjauan itu turut dihadiri Ketua Balai Bomba Pengkalan Kubor, Penolong Raja Arisan Raja Ismail.

Ab Rashid berkata, walaupun terjejas akibat banjir, operasi balai polis tetap berjalan seperti biasa termasuk untuk tugas menyelamat mangsa.

Katanya, pihaknya turut dilengkapi bot yang bukan sahaja untuk menyelamatkan anggota yang terbabit tetapi juga mangsa sekitar yang terjejas banjir.

"Alat komunikasi tetap beroperasi seperti biasa di tiga balai polis itu bagi kelancaran operasi yang diperlukan ketika banjir," katanya.

PPS pertama dibuka di Pahang

Kuantan: Pusat pemindahan sementara (PPS) Balai Raya Kampung Janglau, dekat Rompin menjadi pusat pemindahan pertama dibuka di Pahang akibat banjir kilat selepas hujan lebat berterusan sejak malam semalam di daerah berkenaan.

Berdasarkan laporan terkini info bencana jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), satu keluarga terdiri daripada tiga mangsa dipindahkan di PPS Balai Raya Kampung Janglau setakat jam 3 petang semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Nor Hisyam Mohammad ketika dihubungi memaklumkan, dua wanita dewasa bersama seorang kanak-kanak lelaki dipindahkan menggunakan lori Hicom dari Batu 7, Kampung Janglau ke balai raya di kampung terbabit.

"Seramai enam anggota bomba terbabit membantu mangsa berpindah dari kediaman mereka yang dinaiki air untuk ke pusat pemindahan," katanya.

60 mangsa dipindah ke PPS

Bandar Baharu: Seramai 60 mangsa dipindahkan ke pusat penempatan sementara (PPS) berikutan banjir kilat yang melanda beberapa kampung di daerah ini, kelmarin.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Kulim/Bandar Baharu, Leftenan (PA) Mohd Fadhil Fahmi Zaini berkata, PPS Surau Kampung Charok Meranti dibuka bagi menempatkan 12 keluarga yang terjejas banjir jam 8 malam.

"Hujan lebat berterusan sejak jam 3 petang menyebabkan beberapa rumah dinaiki air sedalam lebih satu meter.

"Mereka yang dipindahkan memabalkan 35 mangsa daripada tujuh keluarga di Kampung Charok Meranti, 20 mangsa daripada empat keluarga di Kampung Sungai Pasir dan lima mangsa daripada satu keluarga di Kampung Sungai Batu," katanya.

Mohd Fadhil berkata, banjir di kawasan terbabit bagaimanapun sudah surut, namun mangsa belum dibenarkan pulang atas faktor keselamatan.

Oleh Nurul Fatimah Sulaini
am@hmetro.com.my

Jertih

Belum hilang penat berpindah dan membawa ahli keluarga meredah banjir ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Sivik Alor Lintang, enam keluarga terpaksa berpindah sekali lagi ke PPS yang lain.

Tindakan itu dibuat susulan kemudahan di dewan itu tidak mencukupi menyebabkan mereka dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Kampung Amer dengan bantuan trak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) jam 2 petang.

Seorang mangsa, Rosliza Abdul Rahman, 36, berkata, mereka sekeluarga hanya menyedari kawasan kediaman mereka di Taman Putera Perdana, Alor Lintang dinaiki air jam 3 pagi semalam.

"Ada jiran yang ketuk pintu rumah memaklumkan air semakin naik sebelum suami Wan Noriman Wan Zahari, 40, segera keluar mengalihkan kereta ke tempat lebih selamat.

"Saya bersama suami serta tiga anak kami termasuk bayi Wan Ilias Danial Wan Noriman, enam bulan mengharungi banjir pada paras lutut sebelum menaiki kereta ke dewan sivik," katanya.

Rosliza berkata, mereka tinggal menyewa di situ sejak Februari lalu dan tidak menyangka kawasan itu kerap dilanda banjir.

"Jika diikutkan ada lebih 50 rumah di kawasan itu dan kemungkinan selepas ini kami berpindah ke rumah lain yang selamat daripada banjir," katanya yang ditemui di PPS Dewan Sivik Alor Lintang, semalam.



BAH MELANDA

Dua kali berpindah

ROSLIZA membawa anaknya, Wan Ilias Danial bersama mangsa banjir lain berpindah ke PPS Sekolah Kebangsaan Kampung Amer selepas kemudahan PPS Dewan Sivik Alor Lintang tidak mencukupi.



NIK Marhaida mendukung bayinya, Nawla Asyifa berpindah ke dewan di Masjid Ulul Albab, Seberang Jertih.

Normadiyah Mat Jusoh, 45, berkata, dia bersama tujuh anaknya terpaksa bermalam

di hotel kerana rumah mereka ditenggelami air pada paras lutut, begitu juga ji-

ran-jiran lain yang bermalam di inap desa.

"Sejak tujuh tahun tinggal di taman itu hampir setiap tahun rumah dinaiki air tetapi ini kali pertama berpindah dua kali ke PPS, selalunya hanya sekali sehingga banjir pulih.

"Disebabkan tiada kemudahan tempat memasak disediakan di dewan sivik saya terpaksa meminjam dapur di kedai makanan berdekatan sebelum keluar arahan untuk berpindah kali kedua.

"Jika diikutkan memang lelah terpaksa berpindah banyak kali tapi kami tiada pilihan kerana tiada tempat untuk bermalam," katanya.

Sementara itu, Nik Marhaida Abdul Razak, 27, berkata, malam semalam mereka lima sekeluarga tidur di ruang tamu bersama anak

sulungnya Nawla Asyifa Muhammad Rafiruddin, empat bulan dengan beralaskan toto.

Katanya, dia hanya menyedari air masuk ke dalam rumah ketika bangun untuk menyusukan anak sekitar jam 4 pagi dan air mula membasahi tempat tidur mereka.

"Kami mula berpindah ke dewan di Masjid Ulul Albab, Seberang Jertih jam 9 pagi," katanya yang ditemui di rumahnya di Kampung Padang Luas, semalam.

Sementara itu, Normah Yaakob, 44, Kampung Tanjung Alir, berkata, anak keduanya, Salman Yusof, 20 terpaksa mendukungnya sejauh 20 meter mengharungi air untuk menaiki kereta kerana kaki kannanya dipotong akibat kencing manis awal tahun ini.